



MBJB Laksana Aktiviti Dekontaminasi



MBJB Sumbang Dana Tabung Bencana Negeri Johor



MBJB Tubuh Bilik Gerakan COVID-19



Terima Kasih 'FRONTLINERS' MJB



QR code
(penerbitan rasmi MJB)

3	▶ PENGHARGAAN KEPADA 'FRONTLINERS' MBBJ
4	▶ INFO COVID-19 & AMALAN DOA
5	▶ INFO PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
6-7	▶ BANDAR RAYA JOHOR BAHRU SEMASA PKP
8-9	▶ AKTIVITI 'TEAM MBBJ' SEMASA PKP
10	▶ BILIK GERAKAN COVID-19 MBBJ
11	▶ INFO DEKONTAMINASI & SANITASI
12	▶ – DEKONTAMINASI MASJID & SURAU – DEKONTAMINASI GERAJ, PASAR & DEWAN SERBAGUNA
13	▶ DEKONTAMINASI FASILITI, TAMAN AWAM & PREMIS
14	▶ INFO NORMA BAHARU MBBJ
15	▶ PEMATUHAN SOP SEMASA PKP
16-17	▶ IHSAN BANDAR RAYA
18	▶ – MBBJ TURUT SERTA PROGRAM 'LIGHT IT BLUE' – MBBJ PROAKTIF SELESAI ADUAN AWAM
19	▶ MBBJ SUMBANG DANA TABUNG BENCANA NEGERI JOHOR
20-23	▶ PELAN 7 IKHTIAR MAKMUR JOHOR MBBJ

PENAUANG

YB Dato' Haji Adib Azhari
Bin Daud
Datuk Bandar

PENASIHAT

Encik Abdul Malik Bin Haji
Ismail
(Setiausaha)

Ir. Puan Hajah Nazatul
Shima Binti Mohamad
(Timbalan Setiausaha)

KETUA PENGARANG

Puan Fadzlina Binti Abdul
Malek

SIDANG**PENGARANG/KOLUMNIS**

Encik Muhammad Iqbal Arami
Bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah Binti Yusof
Cik Nurul Shafina Binti Shaari
Puan Norasmah Binti Mohd
Adros

JURU FOTO

Haji Bahri Bin Abdullah
Encik Romzi Bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBJ

JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA	07-228 2510
UNIT ADUAN	07-228 2532
TALIAN ADUAN	07-219 8000
TALIAN BEBAS TOL	1-300-88-0146
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	07-219 8039
BAHAGIAN PELESENAN	07-219 8289
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-219 8273
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-219 8285
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-219 8042
JABATAN PENILAIAN (PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN)	07-219 8225
JABATAN PENILAIAN (UNIT TUNGGAKAN CUKAI HARTA)	07-219 8233
JABATAN PENILAIAN (UNIT TEKNIKAL/UNIT PENILAI)	07-219 8232
JABATAN PENILAIAN (PENGURUSAN HARTA)	07-219 8219

JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184
UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-219 8159
UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-219 8210
BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256
BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268
UNIT INTEGRITI	07-219 8117
UNIT MESYUARAT	07- 219 8022
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	07-219 8241
JABATAN PERANCANG (KAWALAN PERANCANGAN)	07-219 8217
JABATAN PERANCANG (RANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN)	07-219 8245
BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	07-219 8197
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8119
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-219 8206
BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-219 8145
JABATAN KERJA AWAM (BAHAGIAN KERJA AWAM)	07-219 8101
BAHAGIAN SALIRAN	07-219 8125
BAHAGIAN JALAN	07- 219 8135
JABATAN PENGUATKUASAAN	07-227 1041



**SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA BARISAN HADAPAN MBBJ
YANG SETIA BERTUGAS MEMBANTU MEMERANGI WABAK COVID-19.**



"Pengorbanan Anda Untuk Keselamatan Kami. Semangat Anda Kebanggaan Kami"

BERSAMA KITA PERANGI WABAK COVID-19

Daripada : Datuk Bandar, Ahli Majlis dan Seluruh 'Team MBBJ'

APA ITU COVID-19 ?

Apakah Penyakit *Coronavirus*?

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis *coronavirus* seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS)* dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV)*. *Coronavirus* terbaru yang ditemui di China adalah *Coronavirus 2019 (COVID-19)*. Jangkitan *Coronavirus* boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (*pneumonia*) yang teruk.

SIMPTOM

DEMAM




PENING KEPALA

SAKIT BADAN

BATUK

SUKAR BERNAFAS



Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia

DOA MEMOHON PERLINDUNGAN DARIPADA WABAK COVID-19

BACA 3 KALI PAGI & 3 KALI PETANG

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ

وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

*Bismillahillazi la yadhurru ma'asmih shai-un fil ardhi
wala fissamaa'i wa huwas samii'ul 'aleem*

"DENGAN NAMA ALLAH YANG BILA DISEBUT, SEGALA SESUATU DI BUMI DAN LANGIT
TIDAK AKAN BERBAHAYA, DIA-LAH YANG MAHA MENDENGAR LAGI MAHA MENGETAHUI."
(HR ABU DAUD, TIRMIZI)



اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجَدَامِ

وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

*Allahumma inni a'uuzu bika minal-barosi wal jununi
wal juzami wa min sayyi'il asqaami*

"YA ALLAH AKU BERLINDUNG DENGANMU DARIPADA PENYAKIT SOPAK,
PENYAKIT GILA, PENYAKIT KUSTA DAN DARIPADA SEGALA PENYAKIT BERBAHAYA YANG LAIN".
(HR ABU DAUD)



TRIVIA FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)




BERMULANYA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) / MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)

Melalui perutusan khas YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara. Pelaksanaan perintah ini tertakluk di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.


Di bawah pelaksanaan PKP ini, kerajaan telah menetapkan pematuhan seperti berikut untuk dipatuhi oleh semua rakyat Malaysia:

01 

Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup, kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian.

02 


Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara **sukarela (self quarantine) selama 14 hari**.

03 


Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara.

04 

Penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti.

05 

Penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara.

06 

Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (essential services).

'Antara Perkhidmatan Penting Negara (Essential Services)':

Air	Pengangkutan	Pelincir	Farmasi	Keselamatan
Elektrik	Pengairan	Penyiaran	Bomba	Pertahanan
Tenaga	Minyak	Kewangan	Penjara	Pembersihan
Telekomunikasi	Gas	Perbankan	Pelabuhan	Peruncitan
Pos	Bahan Api	Kesihatan	Lapangan Terbang	Bekalan Makanan

7 STRATEGI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 01** Pengukuhan Kesihatan Awam
- 02** Perundangan dan Penguatkuasaan
- 03** Pengukuhan Kawalan Sempadan
- 04** Pembukaan Sepenuhnya Sektor Ekonomi
- 05** Pembudayaan Kebiasaan Baharu
- 06** Pemerksaan Tanggungjawab Komuniti
- 07** Perlindungan Golongan Berisiko

“Apabila kamu mendengar wabak (penyakit berjangkit) di suatu tempat, maka janganlah masuk ke dalamnya dan apabila kamu telah pun berada di tempat tersebut, janganlah keluar darinya.”
(HR Al-Bukhari dan Muslim)

KEADAAN SEKITAR BANDAR RAYA JOHOR BAHRU

Sepanjang Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan

Suasana sepi dan lengang di sekitar Bandar Raya Johor Bahru sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1. Penguatkuasaan ini bertujuan mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus berleluasa dan menjangkiti ramai rakyat di negeri ini. Situasi semasa wabak ini memerlukan tindakan drastik diambil bagi memulihkan keadaan yang sukar di samping mengurangkan pertambahan kes berkaitan penyakit tersebut di kawasan Bandar Raya Johor Bahru.



Laluan Utama di Pekan Ulu Tiram

Pekan Ulu Tiram



Pusat Bandar - Jalan Ibrahim Menghala ke Stulang Laut



Lebuhraya EDL Berhampiran
Midvalley Southkey
Megamall, Johor Bahru



DAR RAYA JOHOR BAHRU

Antah Kawalan Pergerakan Fasa I



Jalan Tun Abd Razak



Bulatan Jalan Tun Abd Razak



Jalan Ibrahim



Lebuh Raya EDL



Jejantas Lebuh Raya Tun Abd Razak
dari Jalan Datin Halimah



Lebuh Raya Pasir Gudang - Perling



Lebuh Raya Pesisiran Pantai/
Jalan Bakar Batu



Gerbang Jalan Skudai



Persimpangan Bertingkat
Lebuh Raya Pasir Gudang /
Johor Bahru - Kota Tinggi



Jalan Tebrau



Lot 1, Jalan Ismail Sultan



Persimpangan Jalan Ayer Molek /
Jalan Ismail Sultan / Jalan Dato' Onn

Pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengamalkan norma baharu kerja iaitu 'work from home' dengan mengadakan beberapa sesi mesyuarat secara 'live video conference' bagi membincangkan inisiatif dan gerak kerja yang dilaksanakan oleh MBBJ khasnya ketika berhadapan dengan isu pandemik COVID-19 yang melanda negeri ini. Walaupun dalam tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan, *Team MBBJ* tetap melaksanakan tugas masing-masing bagi sama-sama membendung penularan virus COVID-19 di Malaysia. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh pihak kerajaan tidak menghalang *Team MBBJ* melaksanakan aktiviti seperti berikut:



TEMU RAMAH DATUK BANDAR BERSAMA MEDIA TV3



**MESYUARAT DATUK BANDAR BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN SECARA
'LIVE VIDEO CONFERENCE'**



**MESYUARAT BERKALA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU
BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN SECARA
'LIVE VIDEO CONFERENCE'**

SERAHAN NOTIS PEMBERITAHUAN PENUTUPAN PREMIS PERNIAGAAN DAN KAWALAN 24 JAM SEPANJANG TEMPOH PKP

21 Mac 2020 - Anggota penguatkuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama-sama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan rondaan dan penyerahan notis pemberitahuan penutupan di premis-premis perniagaan dalam kawasan MBBJ, selain mengadakan kawalan 24 jam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.



apl.mbjb.gov.my/applypkpb

Mohon kebenaran menjalankan perniagaan sepanjang PKPB

apl.mbjb.gov.my/delivery

Mohon kebenaran 'delivery' makanan sepanjang PKP



ANTARA PEMBANGUNAN APLIKASI DALAM TALIAN SEPANJANG TEMPOH PKP



apl.mbjb.gov.my/ientry

Pendaftaran memasuki taman awam / premis MBBJ

apl.mbjb.gov.my/kebenarankerja

Permohonan kebenaran kerja staf MBBJ bermula 4 Mei 2020



apl.mbjb.gov.my/kajiselidikmbjb

Kaji selidik kesihatan staf MBBJ sepanjang PKP



BILIK GERAKAN COVID-19 MBJB

Usaha bijak mengawal penularan wabak berbahaya di Bandar Raya Johor Bahru

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menubuhkan Bilik Gerakan COVID-19 sebagai medium gerak kerja dan pengumpulan maklumat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan bermula pada 18 Mac 2020 bagi mengawal penularan virus COVID-19.

Penubuhan bilik gerakan ini bertujuan merangka pelan tindakan yang kemas dan bersepadu bagi memberi maklumat dan panduan secara menyeluruh kepada semua anggota MBJB yang bertugas dalam tempoh PKP untuk menghadapi pelbagai kemungkinan akibat penularan virus berkenaan dalam kawasan MBJB. Hal ini termasuklah tindakan penguatkuasaan ke atas pematuan *standard of procedure* (SOP) yang ditetapkan dan maklumat berkaitan proses pembersihan awam/sanitasi di lokasi yang ditetapkan, terutama di kawasan yang menunjukkan peningkatan kadar jangkitan dan kawasan-kawasan yang telah diwartakan sebagai zon merah.

TRIVIA BILIK GERAKAN COVID-19 :

- Diketuai oleh Pengarah Penguatkuasa MBJB.
- Enam anggota ditugaskan secara giliran di bilik gerakan dan dibantu oleh anggota di lapangan yang melibatkan beberapa jabatan dalaman.
- Antara jabatan terlibat dalam pelaksanaan pematuan SOP di lapangan ialah Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kerja Awam.
- Merekod dan mengambil maklumat berkenaan pematuan SOP di premis perniagaan.
- Merekod maklumat aduan awam melalui talian 07-228 2610 yang ditempatkan di Bilik Gerakan COVID-19.
- Menyediakan laporan tindakan pematuan SOP kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



MAKLUMAN OPERASI

BILIK GERAKAN COVID 19
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

☎ **07- 228 2610**
📞 **019 - 778 8212**

WAKTU OPERASI:
8 AM - 11 AM

www.facebook.com/mbjbrasmi www.mbjb.gov.my

APA ITU DEKONTAMINASI & SANITASI?


Dekontaminasi ialah pembuangan segala kotoran dan bakteria yang membahayakan daripada objek atau benda agar dapat digunakan dengan selamat. Dekontaminasi lazimnya bertujuan mencegah penyebaran virus atau mikroorganisma dan zat pencemar berbahaya yang boleh mengancam nyawa manusia mahupun haiwan.

Sanitasi pula amnya merujuk sistem pembersihan awam yang merangkumi aktiviti pembuangan najis, sisa bahan buangan pepejal, bahan buangan domestik, bahan buangan industri dan bahan buangan pertanian. Penjagaan dari aspek kebersihan pula boleh dilakukan dengan cara membasuh tangan menggunakan sabun atau 'hand sanitizer' sebagai agen pembersih.



ANGGOTA 'FRONTLINERS' LAKSANA SANITASI DI MENARA MBBJ

14 Mac 2020 – Susulan fenomena penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara, MBBJ mengambil langkah drastik dengan menjalankan kerja-kerja sanitasi di Menara MBBJ yang merupakan pejabat pentadbiran baharu di Bukit Senyum, Johor Bahru. Usaha ini bertujuan mencegah penularan wabak berbahaya tersebut dalam kalangan warga kerja dan juga para pelanggan MBBJ.



SEKITAR PELAKSANAAN DEKONTAMINASI DALAM KAWASAN MBBJ

Sasaran Lokasi: Masjid dan Surau
Tarikh: 18 Mac 2020 - 3 April 2020

Sehingga 29 Julai 2020, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melaksanakan kerja-kerja dekontaminasi di 60 buah masjid dan 204 buah surau di sekitar Johor Bahru oleh anggota Jabatan Kesihatan MBBJ dan Unit Tindakan Cepat MBBJ bagi membendung penularan wabak COVID-19.



SEKITAR PELAKSANAAN DEKONTAMINASI DALAM KAWASAN MBBJ

Sasaran Lokasi: Gerai, Pasar dan Dewan Serbaguna
Tarikh: 31 Mac 2020 - 29 Julai 2020

Anggota barisan hadapan Majlis Bandaraya Johor Bahru juga digerakkan untuk melaksanakan kerja-kerja dekontaminasi di 37 buah gerai, enam buah pasar awam dan 24 buah dewan serbaguna dalam kawasan pentadbiran Majlis.



SEKITAR PELAKSANAAN DEKONTAMINASI DALAM KAWASAN MBBJ

Sasaran Lokasi: Taman Awam, Taman Permainan Kanak-Kanak, Anjung Selera, Terminal Bas/Teksi, Bangunan Kerajaan/GLC, Pondok Bas, Jejantas dan lain-lain.
Tarikh: **31 Mac 2020 - 28 Jun 2020**

Pelaksanaan aktiviti dekontaminasi bagi mencegah penularan wabak COVID-19 ini juga dilakukan di lapan buah taman awam, 353 buah taman permainan kanak-kanak, sembilan buah anjung selera, tiga buah terminal bas/teksi dan bangunan kerajaan/GLC di sekitar bandar raya Johor Bahru. Selain itu, sebanyak 361 buah pondok bas dan 38 buah jejantas telah didekontaminasi menerusi aktiviti ini.





MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

AMALAN NORMA BAHARU KEPADA WARGA KERJA DAN PELANGGAN




Memakai Pelitup Muka
Wearing Face Mask



Mencuci Tangan Menggunakan Sabun / Pembersih Kuman
Clean Your Hand With Soap/Hand Sanitizer



Menjalani Pemeriksaan Suhu Badan
Body Temperature Measurement



Mengamalkan Penjarakan Sosial 1 Meter
Practise Social Distancing 1 Metre



Mendaftar Maklumat Peribadi Sebelum Masuk ke Premis
Register Personal Information Before Entering Premise

ELAKKAN 3C



Elakkan Tempat Sesak
*Avoid **C**rowded Area*



Elakkan Tempat Sempit
*Avoid **C**onfined Space*



Elak Bertutur Dalam Jarak Dekat
*Avoid **C**losed Conversation*

AMALKAN 3W



Basuh Tangan Dengan Kerap
Wash Hand Regularly



Memakai Pelitup Muka
Wear Face Mask



Beri Amaran (Jangan bersentuhan/ Amalkan Etika Batuk dan Bersin/ Lakukan Disinfeksi/ Dapatkan Rawatan Jika Bergejala)
Warn

#cegahcovid19 #fightcovid19

Mesra Berkhidmat Jujur Berbakti

PEMATUHAN SOP SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Sepanjang berlangsungnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengambil peranan penting dalam usaha memantau pematuhan warga bandar raya Johor Bahru terhadap amalan norma baharu dan penetapan *standard operating procedure* (SOP) yang diwujudkan sepanjang tempoh PKP ini. Pematuhan ini bertujuan memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 daripada terus berleluasa dalam kawasan bandar raya Johor Bahru. Antara pematuhan yang terkandung dalam SOP tersebut ialah keperluan memakai penutup hidung dan mulut, menjalani pemeriksaan suhu badan, mencuci tangan menggunakan sabun/*hand sanitizer*, mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dan mendaftar maklumat peribadi sebelum memasuki premis.

Sekitar Pemantauan Terhadap Pematuhan SOP sepanjang PKP di Pasar-Pasar Awam dalam Kawasan MJB



Pematuhan SOP di Pasar Awam Setia Indah
Tarikh: 1 April 2020

Pematuhan SOP di Pasar Awam Taman Johor Jaya
Tarikh: 1 April 2020



Pematuhan SOP di Pasar Awam Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Tarikh: 16 April 2020

Sekitar Pemantauan Terhadap Pematuhan Norma Baharu di Pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru



Pematuhan Norma Baharu di Pejabat MJB Jalan Dato' Onn Johor Bahru
Tarikh: 5 Mei 2020

Pematuhan Norma Baharu di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru
Tarikh: 14 Mei 2020



IHSAN BANDAR RAYA



Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) turut tidak ketinggalan menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada warga Bandar Raya Johor Bahru yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Antara aktiviti ihsan yang telah dilaksanakan ialah:



Program Sumbangan Makanan kepada Gelandangan

31 Mac 2020 - Antara agensi yang terlibat dalam program ini ialah Majlis Agama Islam Johor, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Daerah Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Program sumbangan makanan ini telah diberikan kepada kira-kira 160 orang gelandangan sebanyak dua kali sehari iaitu pada jam 10 pagi dan 5 petang di Laman Tun Sri Lanang, Johor Bahru.



Aktiviti Persiapan Pusat Kuarantin COVID-19 di Pusat Latihan Kesihatan Kempas

1 April 2020 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) memberi bantuan dari segi persiapan logistik iaitu bekalan tujuh unit khemah di sekitar kawasan pusat kuarantin tersebut. Barisan anggota MBJB dari Unit Khemah, Unit Tindakan Cepat dan Jabatan Penguatkuasaan turut membantu dari segi persiapan mengemas dan menyusun katil, kerusi dan meja setiap bilik kuarantin di pusat latihan tersebut.



Operasi Menyelamat Orang Papa (Gelandangan & Pengemis)

4 April 2020 - Majlis Bandaraya Johor Bahru turut terlibat dalam operasi menyelamatkan orang papa iaitu gelandangan dan pengemis di daerah Johor Bahru yang ditempatkan di Pusat Kuarantin Kem Wawasan Gunung Pulai sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Melalui kekuatan seramai 20 anggota, MBJB turut memberi bantuan dari segi peralatan khemah dan lori di samping menyumbang barangan keperluan harian untuk kegunaan orang papa melalui pihak Yayasan Bandaraya Johor Bahru.



Bantuan Bekalan Barangan Keperluan Harian

4 April 2020 - Penyerahan bantuan keperluan harian kepada golongan terjejas akibat COVID-19 di Kampung Pasir, Johor Bahru oleh pihak Yayasan Bandaraya Johor Bahru diketuai oleh Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru. Turut serta dalam penyerahan bantuan ini ialah anggota dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).



Penyerahan Pelitup Muka (Face Mask) kepada Orang Awam

22 April 2020 - 'Face mask' yang telah dibekalkan oleh kerajaan kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, telah diagihkan sepenuhnya kepada penduduk setempat melalui Ahli-Ahli Majlis, Jawatankuasa Penduduk, Kelab Rukun Tetangga, wakil-wakil penduduk setempat di setiap zon Ahli Majlis.



*Ihsan Foto:
The Royal Johor*

Kurniaan Sumbangan daripada YAM Paduka Putera-Putera Sultan Johor dan Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor

18 Mei 2020 - Menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas kurniaan sumbangan peribadi yang diterima daripada YAM Paduka Putera-Putera Sultan Johor dan Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor kepada petugas barisan hadapan Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah memberi khidmat terbaik bagi mencegah penularan wabak COVID-19 yang melanda negeri ini. Kurniaan sumbangan tersebut telah disampaikan oleh YAM Tunku Abdul Rahman Hassanal Jeffri ibni Sultan Ibrahim kepada YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru disaksikan oleh YB Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.



MBJB TURUT SERTA PROGRAM 'LIGHT IT BLUE' tanda sokongan kepada 'frontliners' negara

2 Mei 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) turut serta dalam program 'Limpahan Lampu Biru' atau 'Light It Blue' anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menzahirkan tanda sokongan dan penghargaan terhadap jasa semua petugas barisan hadapan (frontliners) negara.

Limpahan lampu biru tersebut telah dipancarkan di bangunan pejabat MBJB di Jalan Dato' Onn pada waktu malam bermula pada 1 Mei 2020 hingga 3 Mei 2020. Sinaran warna biru dalam program limpahan lampu biru ini merupakan simbolik kepada warna rasmi bidang perubatan yang membawa maksud kredibiliti, pengetahuan, kepercayaan dan fokus.



MBJB PROAKTIF SELESAI ADUAN AWAM

16 Jun 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga Bandar Raya Johor Bahru yang prihatin menyalurkan aduan pokok tumbang bagi mengelakkan masalah halangan dan kesesakan lalu lintas di jalan raya. Aduan tersebut diterima seawal jam 8.30 pagi di Jalan Tampoi berhampiran Taman Seri Bahagia, Johor Bahru.

Susulan penerimaan aduan tersebut, *Team MBJB* tiba dengan jentera di lokasi kejadian pada jam 8.45 pagi bagi melaksanakan kerja-kerja pengalihan pokok dan pembersihan di kawasan tersebut. Saluran aduan mengenai pokok tumbang boleh dihubungi melalui talian 07-244 6661 atau 017-263 6719.



MBJB SUMBANG DANA UNTUK TABUNG BENCANA NEGERI JOHOR

6 Mei 2020 - Warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah berjaya mengumpul dana berjumlah RM 201,000.00 menerusi potongan gaji bulanan untuk disumbangkan kepada Tabung Bencana Negeri Johor bagi membantu mereka yang memerlukan dan terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa sejak 18 Mac 2020 lalu.

Sumbangan bereplika 'mock cheque' tersebut telah diserahkan oleh YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru kepada YAB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor di Pejabat Menteri Besar Johor, Kota Iskandar, Johor.

Dana yang dikumpulkan menerusi potongan gaji warga kerja MBJB tersebut bermula April hingga Disember 2020 dengan kadar minima dari RM 5 hingga RM 100 sebulan mengikut persetujuan warga kerja MBJB.





7 IKHTIAR MAKMUR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

14 Jun 2020 – YAB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi telah mengumumkan Pelan Tujuh Ikhtiar Makmur Johor bagi tujuan memperkasa dan memulihkan sektor ekonomi negeri ini yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Majlis Bandaraya Johor Bahru turut tidak ketinggalan menyahut seruan kerajaan tersebut dengan menjayakan 5 daripada 7 Pelan Ikhtiar Makmur Johor yang berkait dengan organisasi ini sebagai salah satu usaha memastikan pembangunan ekonomi negeri ini mampu berdaya saing dengan negara luar yang turut terjejas susulan penularan wabak tersebut.

1

PENUBUHAN IBRAHIM JOHOR ECONOMIC COUNCIL (IJEK)

2

MENJAYAKAN JOHOR DIGITAL MASTERPLAN

3

JOHOR INVESTMENT COMPANY (JICO) DI SINGAPURA

4

MENJAYAKAN SEMULA SINGAPORE-JOHOR-RIAU-GROWTH TRIANGLE (SIJO-KEPRI)

5

MENJAYAKAN PELAN PEMBANGUNAN MAMPAN JOHOR 2019-2030

6

JAJARAN EKONOMI BAHARU

7

INISIATIF BANK MAKANAN JOHOR

PENUBUHAN IBRAHIM JOHOR ECONOMIC COUNCIL (IJEC) IBRAHIM INTERNATIONAL BUSINESS DISTRICT (IIBD) PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI DALAM KAWASAN IIBD




Kawasan IIBD telah DIWARTAKAN di dalam Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru Dan Kulai 2025 (Penggantian) pada 18 JANUARI 2018

HALATUJU BAJET 2021:
Melengkapkan infrastruktur pejalan kaki, lorong belakang dan pengindahan Pusat Bandar .

- Projek Membina Cornerstone IIBD
STATUS: FASA 1 DAN 2 SIAP . FASA 3 DAN 4 DALAM PERANCANGAN
- Projek Membina Flyover
STATUS: PERINGKAT KELULUSAN
- Pedestrian Link Bridge
STATUS : PERINGKAT KELULUSAN
- Projek Naiktaraf Lorong Belakang (LANEWAYS)
STATUS: SIAP
- Projek Coronation Avenue
STATUS: DALAM PEMBINAAN
- Laluan RTS
- Depot / Stesen RTS
STATUS: PERIHAL TANAH
- Projek Konservasi
STATUS: SIAP
- Projek Meldrum
STATUS: PELAN REKABENTUK SIAP


MENJAYAKAN JOHOR DIGITAL MASTERPLAN USAHA MBBJ KE ARAH PENDIGITALAN




MENJAYAKAN PELAN PEMBANGUNAN MAMPAN JOHOR 2019 – 2030 PELAKSANAAN SMART CITY MEKANISME MBBB DALAM PELAKSANAAN SMART CITY

Memperkukuh daya tahan (*resilient*) ke arah Bandaraya Antarabangsa, berbudaya dan lestari dengan menggiatkan inovasi dan memanfaatkan teknologi dan sains

SMART CITY menyumbang kepada **DAYA TAHAN (resilient)** bandar



Inovasi ke arah kehidupan yang lebih baik bagi warga bandar raya dan generasi akan datang




MENJAYAKAN PELAN PEMBANGUNAN MAMPAN JOHOR 2019 – 2030 PELAKSANAAN SMART CITY (PROJEK-PROJEK SMART CITY KAWASAN MBBB 2010-2030)

8 PROJEK SMART CITY YANG TELAH DILAKSANAKAN

<p>01 SISTEM I-TRAFIK MBBB</p>	<p>02 BILIK KAWALAN CCTV & BANDAR SELAMAT</p>	<p>03 PERKHIDMATAN WIFI PERCUMA</p>	<p>04 PERKHIDMATAN BAS DAN WIFI PERCUMA</p>
<p>05 e-KHIDMAT</p>	<p>06 PROJEK INTEGRATED WATER TREATMENT PLANT (IWTP) SUNGAI SEGGET</p>	<p>07 PENGURUSAN LAMPU ISYARAT WAKTU PUNCAK</p>	<p>08 PEMASANGAN SISTEM RADAR DI 10 PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT TERPILIH</p>

JAJARAN EKONOMI BAHARU PEMBANGUNAN HIGH SPEED RAIL (HSR)

Tumpuan jajaran ekonomi baru di kawasan Pantai Barat Johor *melalui pembangunan High Speed Rail (HSR)* bakal memberi impak yang besar ke atas limpahan pembangunan di kawasan sekitar. Walaupun jajaran HSR tersebut tidak berada di dalam kawasan pentadbiran MBBJ, namun MBBJ akan mengambil peluang dan potensi daripada pembangunan tersebut samada secara langsung atau tidak langsung melalui :



Sumber : Kajian RKK Terminal Pengangkutan Bersepadu Iskandar Sentral, 2014

Penyediaan kajian RKK Terminal Pengangkutan Bersepadu Iskandar Sentral

- ▶ Pihak MBBJ dengan kerjasama Plan Malaysia Johor telah menyediakan kajian RKK Terminal Pengangkutan Bersepadu Iskandar Sentral yang berkonsepkan *Transit Oriented Development (TOD)*
- ▶ Kajian ini telah siap pada tahun 2016 dan diwartakan pada **18 Januari 2018**
- ▶ Terminal Pengangkutan Bersepadu Iskandar Sentral (TPBIS) di **Kempas** akan dihubungkan dengan **stesyen HSR di Iskandar Puteri** melalui mode pengangkutan awam yang lain.
- ▶ TPBIS juga akan menghubungkan jajaran sistem pengangkutan awam dalam Iskandar Malaysia dan seterusnya melengkapkan jaringan perhubungan di **kawasan sebelah Utara Johor**.
- ▶ Menyediakan sistem perhubungan dan pengangkutan awam yang komprehensif di dalam **kawasan MBBJ**
- ▶ Kajian ini juga mengambil kira pembangunan pengangkutan awam yang komited seperti *double track KTM, Rapid Transit System (RTS), Bus Rapid Transit (BRT)* di dalam kawasan MBBJ

INISIATIF BANK MAKANAN KONSEP KEBUN KEJIRANAN MBBJ

01 **LA21 MBBJ**
Merupakan salah satu aktiviti/program di bawah Jawatankuasa Pelan Tindakan LA21 Ekonomi dan Pelancongan

03 **SWASTA/NGO**
Sokongan dari sudut kewangan, tenaga kerja dan tanggungjawab sosial (CSR)



02 **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**
RM 1,000,000.00 peruntukan diluluskan dalam Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am bil.6/2020

04 **JABATAN PERTANIAN**
Bantuan anak benih dan konsultasi kepada penduduk

06 **KOMUNITI/PERSATUAN PENDUDUK**
Inisiatif komuniti setempat dalam aktiviti Kebun Kejiranan

INISIATIF BANK MAKANAN ANTARA KEBUN KEJIRANAN MBBJ



SETIA TROPIKA



TAMAN ABAD



SETIA TROPIKA



TAMAN PELANGI



TAMAN SERI INTAN



SERI AUSTIN



KG.MELAYU MAJIDI



LARKIN PERDANA



BANDAR BARU UDA



MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim.

Talian Am: 07 - 219 8000 Faks: 07 - 223 0619

Talian Bebas Tol: 1 - 300 - 88 - 0146

Whatsapp Aduan: 019 - 778 8212

Laman Web: www.mbjb.gov.my

Laman Sispaa: mbjb.spab.gov.my

E-mel: info@mbjb.gov.my

